

# PKR tak iktiraf kongres lain: Dr Wan Azizah

**Kuala Lumpur:** PKR tidak mengiktiraf kongres lain dalam parti selain yang akan diadakan di Pusat Perdagangan Antarabangsa Melaka (MITC) Melaka, minggu depan.

Pengerusi Majlis Penasihat PKR, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, berkata parti tidak pernah bersetuju untuk mengadakan kongres lain pada hari berkenaan.

“Pada kami memang parti hanya ada satu kongres. Itu saja yang rasmi,” katanya ketika ditemui media selepas merasmikan Majlis Khatan Perdana Parlimen Pandan di Sekolah Kebangsaan Taman Bukit Teratai, Ampang, di sini, semalam.

Beliau diminta mengulas laporan sebuah akhbar bahawa kumpulan Timbalan Presiden, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, merancang mengadakan kongres berasingan pada hari sama Kongres Nasional PKR berlangsung nanti.

Menurut laporan itu, kongres itu dirancang bagi menunjukkan kumpulan terbabit mempunyai sokongan anggota Majlis Pimpinan Pusat (MPP) PKR dan cabang dari seluruh negara.

Dr Wan Azizah berharap pergeseran antara Mohamed Azmin dan kepimpinan yang lain diselesaikan segera sebelum Kongres Nasional PKR 2019 membuka tirai mesyuarat pada Khamis ini, dimu-



**Fahmi bergambar bersama kanak-kanak selepas merasmikan Program Back to School anjuran Pertubuhan Anak Kerinchi Lembah Pantai (PAKLP) di Kuala Lumpur, semalam.**  
(Foto Khairul Azhar Ahmad /BH)

lakan dengan kongres sayap parti.

Kongres utama dijadualkan berlangsung di MITC mulai Jumaat hingga Ahad, dengan agenda utama diberi fokus adalah ucapan dasar presiden.

Sebelum ini, PKR memutuskan kongres sayap parti akan diadakan berasingan kali ini dengan kongres Angkatan Muda Keadilan (AMK), dirasmikan Dr Wan Azizah, yang juga Timbalan Perdana Menteri.

Kongres wanita PKR pula akan dirasmikan Mohamed Azmin.

Kelmarin, seramai 20 Ahli Majlis Pimpinan Tertinggi PKR di-

ketuai Mohamed Azmin, sebulat suara menolak pemecatan Zakaria Abdul Hamid sebagai MPP parti itu dan memohon Presiden, Datuk Seri Anwar Ibrahim, memohon maaf.

Sementara itu, Pengarah Komunikasi PKR, Fahmi Fadzil, menyifatkan kemelut dalam PKR sebagai perkara biasa yang berlaku secara bermusim dan tidak akan menggoncang parti kerana ada mekanisme khusus untuk menyelesaikannya.

“PKR ini adalah sebuah parti yang lahir dari jalan raya dan parti ‘kuat lawan’. Justeru, kita

membenarkan anggota untuk bersuara.

“Selagi bersuara tidak melampaui batas, disiplin dan tata etika maka ia tidak menjadi masalah. Ini juga dapat mengelakkan daripada budaya *yes man* atau hanya mengiyakan pimpinan.

“Percanggahan pendapat ini memberi kita ruang untuk muhasabah dan meyakinkan anggota kita perlukan kepemimpinan yang utuh serta dapat menyatukan,” katanya selepas merasmikan Program Back to School anjuran Pertubuhan Anak Kerinchi Lembah Pantai (PAKLP).